

1979

KUALA LUMPUR, 7 DIS. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA PARA PENGILANG GETAH ASEAN SUPAYA MENEROKA BIDANG YANG LUAS UNTUK MENUBUHKAN PERUSAHAAN MEMBUAT BARANGAN DARI GETAH DALAM RANTAU INI.

KATANYA, WALAUPUN NEGARA-NEGARA ASEAN MEMBEKALKAN KIRA-KIRA 84 PERATUS KEPERLUAN GETAH DUNIA, PENGGUNAAN GETAH DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ITU MASIH SEDIKIT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA DEMIKIAN DI JAMUAN PERSATUAN INDUSTRI GETAH NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA (RIASEAN) DI SINI MALAM INI.

UCAPANNYA DIBACAKAN OLEH TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK LEW SIP HON.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, +NEGARA-NEGARA ASEAN SUDAH SEPATUTNYA MEMPUYAI KEDUDUKAN YANG LEBIH BAIK DALAM BIDANG PENGILANGAN GETAH. -- BERSAMBUNG 2025/LK

RIASEAN 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, +KITA MEMPUYAI BAHAN MENTAH, TEKNOLOGI, TENAGA MANUSIA DAN KEMAHIRAN DALAM PERINDUSTRIAN GETAH.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP DI SAMPING MENJADI PEMBEKAL TERBESAR GETAH DUNIA, ASEAN AKAN JUGA MENJADI PUSAT YANG PENTING BAGI MENGILANGKAN BARANGAN GETAH SEDIKIT MASA LAGI.

KATANYA, ADALAH MENJADI HASRAT ASEAN UNTUK MENGELUARKAN LEBIH BANYAK BARANGAN UNTUK KEGUNAAN DALAM NEGERI DAN JUGA UNTUK EKSPORT.

MALAYSIA SENTIASA MENEKANKAN TENTANG PERI MUSTAHAKNYA MENUBUHKAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN BERASASKAN SUMBER-SUMBER TEMPATAN TERUTAMA GETAH, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAHKATA BAHAWA SEMUA AHLI PERNIAGAAN ASEAN SEHARUSNYA BERSUNGGUH-SUNGGUH MENIMBANG UNTUK MEMPERLUASKAN PERDAGANGAN SESAMA NEGARA ASEAN. -- BERSAMBUNG 2028/LK

B625:

RIASEAN 3 KUALA LUMPUR

INI MEMANDANGKAN PASARAN YANG MENARIK DI RANTAU INI DAN TANDA-TANDA POSITIF BAHAWA PELUANG-PELUANG BAGI PERDAGANGAN SEUMPAMA ITU BOLEH DI GALAKKAN.

SETERAT INI, 2,327 BARANGAN TELAH DISENARAIKAN UNTUK PERTUKARAN DI BAWAH PERJANJIAN KEISTIMEWAAN TARIFF.

INI MUSTAHAK MEMANDANGKAN NEGARA-NEGARA ASEAN MENGELUARKAN BARANGAN YANG HAMPIR SAMA UNTUK DIEKSPORT. BEBERAPA BARANGAN GETAH TELAH TERMASUK DALAM SENARAI SEKIM ITU DAN TERLIBAT DALAM PERTUKARAN. -- BERSAMBUNG 2030/LK

B626:

RIASEAN 4 KUALA LUMPUR

PENGERUSI BARU RIASEAN, ENCIK LIM PENG HUAT BERKATA SEKIM PERJANJIAN KEISTIMEWAAN TARIFF ASEAN YANG DIPERTINGKATKAN AKAN MENGOALAKKAN LAGI PERDAGANGAN ANTARA ASEAN YANG KINI MASIH LAGI DALAM PERINGKAT AWAL.

KATANYA, +SEBAGAI RANTAU YANG MEMBEKALKAN BAHAN MENTAH, KITA SUDAH SEPATUTNYA MAHUKAN EKSPORT NEGARA-NEGARA ASEAN DITAMBAH NILAINYA.+

SATU DARI CARA UNTUK MELANGKAH KE BIDANG PENGILANGAN BAHAN MENTAH TALAH DENGAN MEMPROSES GETAH MENJADI SARUNG TANGAN, TAYAR, TILUF SECARA BESARAN-BESARAN DAN KEMUDIAN DIEKSPORT SEBAGAI BARANGAN SIAP ATAU SEPARUH SIAP KATANYA.

HARI INI RIASEAN MEMULAKAN MESYUARAT DUA HARI UNTUK MERANGKA DAN MENEPATI RANCANGAN KEISTIMEWAAN TARIFF BAGI BARANGAN-BARANGAN GETAH. -- BERNAMA 2032/LK